

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Wednesday, 6 September, 2017 12:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: ADA PHOTOSHOOT! AWESOME! DI HARI PENDAFTARAN - WARIS PELAJAR BAHARU



06 SEPTEMBER 2017 / 15 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

ADA PHOTOSHOOT! AWESOME! DI HARI PENDAFTARAN - WARIS PELAJAR BAHARU



ANJUNG TAMU ONLINE: Jelas diperlihatkan, UUM Welcome Centre begitu menarik dan berkarakter sebagai pintu gerbang informasi menyambut kedatangan ibu bapa dan waris pelajar di hari pendaftaran pelajar baharu.

Menariknya, menerima kehadiran pelajar sebagai warga baharu UUM yang datang bersama ibu bapa serta waris ke kampus di rimba hijau menambahkan lagi warna pagi disulami keceriaan sejati.

Segala infrastruktur, kemudahan yang tersedia dan lengkap di UUM pasti akan membentuk proses pengajaran dan pembelajaran terkehadapan dengan menjadikan komponen pengurusan sebagai landasan sejajar dengan status UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka.

Sementara itu, ibu bapa dan waris juga tidak mahu melepaskan peluang untuk singgah di kawasan Rehat & Rawat (R & R) UUM Welcome Centre setelah jauh perjalanan dari arah selatan, timur, barat hinggalah sampai ke utara Kedah Negeri Jelapang Padi Malaysia.

Menurut Ketua Taman Ekuestrian Putrajaya, Azimin Ibrahim ketika ditemui,

“Anak saya memilih UUM sebagai *first choice*. UUM sangat menarik hati kami sekeluarga. Ada pula jualan sebagai buah tangan, *signature* UUM untuk di bawa pulang.”

Manakala isteri beliau, Arshida Ahmad berkata, “Tandas Anjung Tamu bersih dan cantik, kami seronok melawat sekitar kampus.”

Di samping suasana pembelajaran UUM yang kondusif telah dirangka agar para pelajar berupaya memperoleh pengalaman yang dapat mematangkan mereka untuk membina jati diri dan sahsiah terpuji, UUM Welcome Centre turut dikunjungi oleh pasangan dari Batu Pahat Johor, Nor Hasni Embong dan suaminya Mohd. Yatim Sekak untuk bergambar kenangan.

Kata Nor Hasni,

“Gembira kerana anak dapat menjadi pelajar UUM. Sedih pun ada, berpisah dengan anak yang berada di Inasis Bank Rakyat sekarang.”

Dalam pada itu, waris pelajar dari Kota Bharu Kelantan, Nurul Jannah Sukarni merakam kenangan manis di *photo booth* Welcome Centre turut mengucapkan terima kasih di atas maklumat Discover UUM,

“Berpuas hati dengan maklumat yang diberikan di sini,” ujarnya.

Selain beristirehat menikmati suasana indah serta mengabadikan memori, waris dari Besut Terengganu, Mohd Shariff Salim melahirkan rasa terujanya berada di UUM Welcome Centre melalui maklum balas lawatan yang dicatatnya,

“Sangat bersih, ceria dan berinformasi. Staf mesra dan mudah memberi bantuan. Ada *photoshoot! Awesome!*

Warna warni di hari pendaftaran pelajar baharu pastinya mencalit memori indah di sana sini apatah lagi sebagai warga baru universiti, diharapkan para pelajar dapat menghayati dan bergerak sederap dengan Visi dan Misi UUM serta sentiasa menjaga nama baik universiti untuk terus maju dalam semua bidang.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.